



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENERAPAN TEMA ISU SEMASA DALAM KARYA
SEKILAS AMARAN
MELALUI SENI CETAKAN SUTERA SARING DAN
DIGITAL**

SITI NUURANISHAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

A221

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (SENI) DENGAN KEPUJIAN
FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF**



MSR3996 PROJEK TAHUN AKHIR

DISEDIAKAN OLEH:

SITI NUURANISHAH

DISEMAK OLEH:

PROFESOR DR. MOHD FAUZI BIN SEDON @ M.DOM





**PENERAPAN TEMA ISU SEMASA DALAM KARYA SEKILAS AMARAN
MELALUI SENI CETAKAN SUTERA SARING DAN DIGITAL**

SITI NUURANISHAH



A221

**LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (SENI)**

JABATAN SENI DAN REKA BENTUK

FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF

2023





PENGAKUAN

Saya mengakui kajian ini merupakan hasil kerja saya kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya perelaskan sumbernya. Saya juga mengaku bahawa penulisan berkenaan kajian ini belum diterbit atau diserahkan kepada mana-mana pihak.

Tandatangan :

Tarikh :

Nama Pengkaji : SITI NUURANISHAH



No. Matrik : D20191088947





PENGESAHAN PENGHANTARAN

Penulisan kajian ini telah di semak oleh:

Nama Penyelia : PROFESOR DR. MOHD FAUZI BIN SEDON @ M. DOM

Tandatangan :

Tarikh :

Cop rasmi :



Diterima penghantaran oleh:

Nama Penyelaras : DR. ELIS SYUHAILA BINTI MOKHTAR

Tandatangan :

Tarikh :

Cop rasmi :





PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Pertama sekali, syukur alhamdulillah kehadiran ilahi di atas taufik dan hidayah-Nya telah menganugerahkan keupayaan kepada saya dalam menyiapkan tesis ilmiah dan karya ini dengan jayanya seperti yang telah dirancang dalam masa yang telah ditetapkan.

Banyak-banyak terima kasih dan penghargaan buat penyelia saya iaitu Profesor Dr. Mohd Fauzi Mohd Sedon @ M.Dom di atas sumbangan idea, nasihat, tunjuk ajar dan memberi maklumat ikhlas yang dihulurkan semasa menyiapkan kajian ini. Semoga Allah membalas kemuliaan budi dan sumbangan yang telah diberikan.

Di kesempatan ini juga jutaan terima kasih diucapkan buat pensyarah penyelar Projek Akhir Tahun di atas segala teguran dan nasihat yang diberikan dari awal kajian dilakukan hingga akhir.

Buat keluarga dan kedua ibubapa tersayang semoga sentiasa dilindungi Allah S.W.T dan berbanyak-banyak terima kasih diatas didikan dan sokongan yang diberikan selama anakanda bergelar sebagai pelajar. Segala jasa dan pengorbanan ibu dan ayah tidak akan anakanda lupakan.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi pandangan dan dorongan dalam menyiapkan kajian ini. Semoga kalian semua berjaya dalam hidup dan membawa anugerah kejayaan kepada ibubapa kita. Terima kasih juga





kepada individu saya sayangi selamanya iaitu Muhammad Al-Danial Muhammad Amirul Hafiz Ariyadasa kerana banyak memberikan semangat dan dorongan sepanjang saya menjalankan kajian ini.

Adalah diharapkan daripada hasil kajian yang telah disempurnakan ini selain dapat melengkapkan keperluan enam kredit untuk kursus Penyelidikan dan Projek Tahun Akhir, moga-moga ia dapat memberikan manfaat kepada sesiapa yang berkenaan.

Akhir kata, segala yang baik itu datangnye dari Allah jua dan segala kelemahan dan kekurangan itu datangnye dari saya sendiri. Oleh itu, berbanyak-banyak mohon dan maaf dipinta sekiranya masih terdapat kekurangan dan kelemahan. Jasa baik kalian amat saya hargai .





PENYATAAN PERIBADI

"Sekilas Amaran" merupakan karya bersiri yang menceritakan kesan buruk yang akan dihadapi oleh masyarakat apabila fenomena El-Nino ini dibiarkan. Pengkarya mengetengahkan subjek matter (gambar figura perempuan dan orang tua serta gambar bumi melalui satelit cuaca) yang berlatar belakangkan kesan teks daripada tulisan akhbar dengan penggunaan warna panas iaitu merah dan jingga. Pengkarya juga mempersembahkan karya ini melalui teknik cetakan digital dan sutera saring di atas kanvas. Setiap subjek matter yang dihasilkan mempunyai hubung kait antara isu yang dikupas bersama isi tersirat di dalamnya. Karya ini dihasilkan adalah bertujuan untuk menyedarkan masyarakat supaya lebih berwaspada dengan fenomena ini kerana nyawa tiada gantinya apabila hilang begitu sahaja.



KARYA AKHIR



“SEKILAS AMARAN”

3.7 KAKI X 1.7 KAKI (SETIAP PANEL)

CETAKAN DIGITAL & SUTERA SARING ATAS KANVAS

2023



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan secara ilmiah bagaimana penerapan isu semasa sebagai penentuan tema dalam pendekatan karya seni cetakan melalui aspek formalistik, teknik, dan interpretasi visual karya yang dihasilkan menjadi salah satu medium yang terbaik bagi menyebarkan informasi berbentuk visual kepada masyarakat. Kupasan isu semasa yang dipilih adalah memfokuskan kepada isu bencana alam semulajadi iaitu fenomena El-Nino yang sering dikaitkan dengan perubahan iklim di Malaysia sehingga mewujudkan bencana alam kecil-kecilan seperti jerebu, banjir kilat, pemanasan global dan sebagainya yang memberi kesan buruk terhadap kesihatan manusia sehingga mendatangkan maut. Penekanan pengkajian terhadap kaedah penghasilan dalam karya seni yang dihasilkan akan dibincangkan secara terperinci untuk menjawab kepada ketepatan pemilihan tema dalam penghasilan karya. Penggunaan kaedah diskriptif digunakan bagi menjelaskan bagaimana melalui pengolahan karya ini membentuk sesuatu maksud. Menerusi penulisan ini akan membentuk satu dapatan yang menjurus kepada peranan penggunaan media cetakan sebagai salah satu bentuk informasi menerusi visual yang menterjemah isu-isu semasa yang diolah dengan mengambil kira bahan atau medium cetakan sebagai bahan utama dalam berkarya.

Kata kunci : Seni cetakan, isu semasa dan tema





ABSTRACT

This study aims to discuss scientifically how the application of current issues as theme determination in the approach of printed artwork through formalistic aspects, techniques, and the visual interpretation of the work produced is one of the best mediums to spread visual information to the community. The coverage of the current issues chosen focuses on the issue of natural disasters, namely the El-Nino phenomenon, which is often associated with climate change in Malaysia, resulting in small-scale natural disasters such as haze, flash floods, global warming, etc., which have adverse effects on human health until bring death. The emphasis of the study on the production method in the artwork produced will be discussed in detail to answer the accuracy of the theme selection in the production of the work. The use of the descriptive method is used to explain how the processing of this work forms a meaning. Through this writing will form a finding that leads to the role of the use of print media as one of the forms of information through visuals that translate current issues that are processed by considering the print material or medium as the main material in creating.

Keywords : *Print art, current issues and themes*



**ISI KANDUNGAN****MUKA SURAT****PENGAKUAN****I****PENGESAHAN PENGHANTARAN****II****PENGHARGAAN****III - IV****PENYATAAN PERIBADI****V****GAMBAR KARYA****VI****ABSTRAK****VII – VIII****KANDUNGAN****IX - XIII****SENARAI RAJAH****XIII – XIV****SENARAI GAMBAR****XIV – XVI****BAB 1 PENGENALAN**

1.0 Pengenalan

1 - 2

1.1 Latar Belakang Kajian

2 – 5



1.2	Isu/Permasalahan Kajian	5 – 9
1.3	Persoalan Kajian	9 – 10
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Signifikan Kajian	11
1.6	Metodologi Kajian	11 - 12
1.6.1	Kerangka Teori Kajian	12 – 14
1.6.2	Kerangka Teori Sekilas Amaran	14 – 16

1.7	Carta Perbatuan	16 – 19
1.8	Rumusan	19

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	20 - 21
2.1	Kajian isu	22
2.2	Definisi Tema	22 - 23
2.2.1	Penetapan Tema Dalam Penghasilan Karya	23 - 24



2.3	Teknik Dalam Penghasilan Seni Cetak	24 - 25
2.3.1	Cetakan Sutera Saring	25 - 26
2.3.2	Cetakan Digital	26 - 27
2.4	Artis Rujukan Dalam Penghasilan Karya	27 - 28
2.4.1	Bahaman Hashim	28 - 29
2.4.1.1	Rujukan Karya	29 - 30
2.4.2	Suhaimi Tohid	30 - 31
2.4.2.1	Rujukan Karya	31 - 32
2.4.3	Muhammad Khizal Saat	32 - 33
2.4.3.1	Rujukan Karya	33
2.4.4	Kimberly Brandel	34
2.4.4.1	Rujukan Karya	34 - 35
2.4.5	Barbara Earl Thomas	35 - 36
2.4.5.1	Rujukan Karya	36 - 37
2.5	Kajian Lepas	37 - 38



**BAB 3 KAJIAN STUDIO**

3.0	Pengenalan	39 - 40
3.1	Penjanaan Idea	40 - 43
3.1.1	Gaya Artistik / Konsep Rekabentuk	43 - 45
3.1.2	Penggunaan Teknik	45 - 46
3.1.2.1	Lakaran	46 - 48
3.1.2.2	Komposisi Karya	48 - 52
3.1.3	Pemilihan Bahan	52 - 53
3.2	Proses Kreatif (proses penghasilan)	53 - 62
3.3	Rumusan	62 - 63

BAB 4 ANALISIS VISUAL

4.0	Pengenalan	64 - 65
4.1	Panel 1	65
4.2	Panel 2	65 - 66



4.3	Diskripsi	66 - 67
4.4	Analisis	67 - 68
4.5	Interprestasi	68 - 69
4.6	Pertimbangan	69

BAB 5 PENUTUP & CADANGAN

5.0	Pengenalan	70 - 71
-----	------------	---------

5.1	Penutup	71
-----	---------	----

5.2	Cadangan dan Penambahbaikan	71 - 72
-----	-----------------------------	---------

BIBLIOGRAFI	73 - 77
--------------------	---------

LAMPIRAN	78 - 80
-----------------	---------

RAJAH SENARAI RAJAH

Rajah 1	Adaptasi Teori Paul Torrance	12 - 13
---------	------------------------------	---------



Rajah 2 Kerangka Teori Sekilas Amaran 14 - 15

Rajah 3 Carta Perbatuan 16 - 19

GAMBAR SENARAI GAMBAR

Gambar 1 Cetakan Sutera Saring 26

Gambar 2 Cetakan Digital 27

Gambar 3 Bahaman Hashim 28



Gambar 4 Karya Bahaman hashim, 'Virtual Reality'



29

Gambar 5 Suhaimi Tohid 30

Gambar 6 Karya Suhaimi Tohid, 'Dalam Seminit' 31

Gambar 7 Muhammad Khizal Mohamed Saat 32

Gambar 8 Karya Khizal Saat, 'My Dreams Become True' 33

Gambar 9 Karya Kimberly Brandel, Looking Through The Window 34

Gambar 10 Barbara Earl Thomas 35

Gambar 11 Karya Barbara Thomas, 'In Case Of Fire' 36



Gambar 12	Kajian Lapangan Di Kuala Lumpur	41
Gambar 13	Kajian Lapangan Di Kampung Halaman	41
Gambar 14	Pemilihan Imej Pertama	42
Gambar 15	Pemilihan Imej Kedua	43
Gambar 16	Pemilihan Imej Ketiga	43
Gambar 17	Contoh Kesan Posterize Pada Imej	45
Gambar 18	Kesan Posterize Pada Imej Pertama	46
Gambar 19	Kesan Posterize Pada Imej Kedua	47
Gambar 20	Kesan Digital Lino Pada Imej Ketiga	47
Gambar 21	Lakaran Digital Latar Belakang Karya	48
Gambar 22	Lakaran Komposisi 1	49
Gambar 23	Lakaran Komposisi 2	49
Gambar 24	Lakaran Komposisi 3	50
Gambar 25	Lakaran Komposisi 4	50
Gambar 26	Lakaran Komposisi 5	51



Gambar 27	Lakaran Komposisi 6	51
Gambar 28	Lakaran Komposisi 7	52
Gambar 29	Pemasangan Kain Mesh Pada Blok	56
Gambar 30	Penampalan Emulsion Pada Blok	57
Gambar 31	Pengexpose Imej Pada Blok	57
Gambar 32	Pembersihan Blok Selepas Expose Imej	58
Gambar 33	Pembancuhan Warna Cetakan	59
Gambar 34	Proses Cetak Pada Blok	59
Gambar 35	Pembersihan Blok Menggunakan Peluntur	60
Gambar 36	Pembersihan Blok Menggunakan Water Jet	61
Gambar 37	Pembingkaian Karya	61
Gambar 38	Karya Akhir	62
Gambar 39	Karya Panel Pertama	65
Gambar 40	Karya Panel Kedua	66





BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan



Seni sememangnya mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat dan kebiasaannya ia memiliki satu tujuan atau arah yang tertentu. Tidak mengira sebesar mana perannya terhadap kehidupan kita, namun kepentingan seni itu wajar dilihat sebagai satu keperluan hidup. Ini dapat dilihat menerusi bentuk dan isi yang akan menerangkan sesuatu karya yang dihasilkan. Setiap penciptaan seni tidak dapat dipisahkan daripada ciri-ciri yang berkaitan dengan kebudayaan dan agama melalui pembentukan masyarakat itu sendiri. Dengan ini, setiap penghasilan karya dapat dilakukan menerusi pengkajian tema serta isu yang diketengahkan.

Kajian ini dilakukan bagi menyelidik peranan tema yang mengkhususkan kepada tema sosial iaitu isu semasa dalam pendekatan penghasilan karya seni cetakan sebagai





medium informasi kepada masyarakat pada masa kini. Hal ini dikatakan demikian adalah kerana pengkarya seni cetakan pada masa kini menjadikan isu-isu semasa seperti isu politik, provokasi, bencana alam, emosi peribadi serta hal berkaitan dengan pengalaman hidup sebagai idea dalam menghasilkan karya cetakan.

1.1 Latar Belakang Kajian

Seni cetakan dilihat hanya sebagai aktiviti seni kedua penting selepas lukisan, ukiran mahupun fotografi. Hakikatnya, seni cetakan ini mempunyai daya hidupnya tersendiri, terus mekar dan subur seiring kecanggihan persekitarannya. Daripada teknik tradisional seperti cetakan skrin, potongan lino, potongan kayu, gurusan, litografi hingga ke sinaran kosmik dan cetakan kreatif menggunakan teknologi komputer terkini, kita akur bahawa seni unggul melampaui fesyen dan sentiasa menawarkan sesuatu yang baru, tanpa mengira tarikh ia dicipta ataupun usia penciptanya. Kini, industri cetakan yang menggabungkan teknik canggih melalui bantuan perisian komputer serta kemahiran seni grafik yang bermutu tinggi telah berjaya menjadikannya satu saluran seni yang baik. Sejarah awal cetakan bermula pada tahun 3000 SM. Dikatakan kumpulan sumaria membuat salinan imej kulit kerang di atas tanah liat yang berbentuk empat segi. Hasilnya mereka berjaya mebcetak bentuk relief. Cetakan blok kayu buatan tangan mula muncul di Negara china pada kurun ke 8. pada ketika itu mereka menggunakan kertas sebagai permukaan cetakan. Perkembangan cetakan di Negara Eropah bermula pada 1418 masihi. Pada peringkat awal





cetakan digunakan sebagai bahan-bahan pendidikan, keagamaan, bahan propaganda dan cetakan tekstil untuk pakaian. Cetakan berwarna mula diperkenalkan sekitar abad ke 15.

Dengan kemajuan teknologi, hampir seluruh umat manusia di Malaysia, terutamanya dalam kalangan generasi muda menggunakan cetakan laser dan jet. Bukan itu sahaja, cetakan juga telah bergerak ke hadapan dengan penggunaan komputer grafik. Dengan ini, masyarakat dunia dapat menghasikan seni cetakan ini melalui digital mahupun grafik melalui komputer atau aplikasi.

Cetakan pada dasarnya ialah proses terapan blok atau plat ke atas sesuatu permukaan kertas, kain atau bahan yang lain. Seni percetakan melibatkan kerja-kerja melukis, mengukir dan mencetak. Dengan menggunakan blok, pemidang dan plat logam, imej dapat dicetak dengan banyak dan disebut sebagai edisi. Semua karya yang dihasilkan dalam satu edisi adalah dianggap karya asli. Cetakan merupakan kesan daripada gubahan yang dihasilkan oleh pelukis pada permukaan blok atau plat. Permukaan blok diukir atau diguris sehingga imej yang terbentuk pada imej atau blok tersebut dapat dipindahkan keatas kertas, kain atau bahan lain. Pada peringkat awal cetakan digunakan sebagai bahan-bahan pendidikan, keagamaan, bahan propaganda dan cetakan tekstil untuk pakaian. Namun di era kemajuan teknologi saat ini dimana semua orang memiliki akses pada komputer dan aplikasi dalam menghasilkan cetakan secara konvensional, majoriti masyarakat tidak mengerti definisi dari cetakan tersebut sebagai sebuah seni, hal ini tampak ketika penggunaan komputer grafik hanya untuk mengedit komposisi dan teknik tersebut yang terkesan jauh dari definisi cetakan itu sendiri.



Hal ini merupakan hal yang membimbangkan, namun jika kita melihat dari sudut pandang teori komunikasi, pada dasarnya komunikasi adalah sebuah bentuk komunikasi, dimana didalamnya terdapat sebuah pesan yang ingin disampaikan oleh seorang pengkarya yang berperanan sebagai komunikator kepada audiens iaitu orang yang melihat hasil cetakan tersebut. Hal ini akan bercanggah kerana banyak hasil cetakan yang dihasilkan terkadang terasa tanpa memberikan pesan, hanya sekadar ilustrasi sahaja. Jika kita merujuk kepada hakikat dasar dari cetakan sebagai media komunikasi, maka cetakan dapat kita gunakan sebagai media untuk menyampaikan begitu banyak pesan, dimana salah satunya adalah menyampaikan pesan budaya, Namun boleh juga digunakan untuk meningkatkan kesedaran kepada masyarakat terhadap isu semasa yang sedang berkembang. Meskipun hasil cetakan yang dihasilkan tidak mempunyai mesej atau “kebebasan” tetapi seorang pengkarya berhadapan dengan pelbagai kemungkinan dalam menetapkan apakah tema yang seharusnya dibawa dalam karya yang dihasilkan.

Suasana perkembangan dunia pada zaman sekarang juga memberi inspirasi dalam menghasilkan sesuatu karya. Seni itu bukanlah sebuah bidang yang tertumpu kepada melahirkan gambar atau sekadar aktiviti peniruan daripada gambar lagi. Ini adalah pandangan konvensional yang jauh ketinggalan. Seni pada hari ini terus meneroka idea dan pemikiran yang baharu di mana seni yang lazimnya sinonim dengan keindahan murni dengan teori-teori estetikanya mula mengambil wajah baharu apabila seni itu tidak semestinya indah. Maka lahirlah karya seni baru pasca moden yang tidak lagi berpaksi kepada keindahan semata-mata. Dengan itu, penetapan tema yang dipilih dalam menghasilkan karya yang terunggul adalah berdasarkan kajian yang lebih mengutamakan



kepada isu semasa dalam meluahkan pemikiran, persoalan dan pengetahuan serta nasihat atau pesanan bagi mereka untuk dihayati atau dinikmati ataupun dikongsi bersama.

1.2 Isu/Permasalahan Kajian

Sejarah seni cetakan Malaysia hanya berlaku sekitar tahun 1940an di mana seni cetakan dibawa masuk dari Singapura melalui Akademi Nanyang. Pada masa ini, penggunaan cetakan potongan kayu digunakan dalam menghasilkan karya cetakan. Imej-imej pada masa ini juga banyak merakamkan tentang keindahan dan juga aktiviti masyarakat setempat. Perubahan dalam seni cetakan dapat dilihat menerusi era pluralis merupakan era perubahan kepada kepelbagaian stail, pendekatan dan makna yang lebih membawa maksud kepada memberi satu persepsi baharu dalam seni tradisi dengan memberi kebebasan bagi mengembangkan idea, penggunaan bahan dan medium dalam menghasilkan karya seni. Pernyataan ini juga telah disokong oleh Rosiah Md. Nor, Mohd Zahuri Khairani (Dr) dan Mohd Azhar Abd Manan menerusi E-Prosiding,

“Era pluralis dipersada pasca modenisme global telah membuka banyak ruang serta kebebasan untuk artis berkarya tanpa dikongkong oleh batasan perngertian bentuk seni.”

(Rosiah Md. Nor, Mohd Zahuri Khairani (Dr) dan Mohd Azhar Abd Manan, 2014)





Dengan ini, jelas bahawa seni cetakan telah melalui dua fasa iaitu pada mulanya sekitar 1940an seni cetakan lebih tertumpu pada kaedah konvensional dan selepas berlaku transformasi pada tahun 1990 kepada seni Malaysia, seni cetakan juga telah mendapat tempasnya di mana cetakan alternatif telah bertapak secara rasminya dalam dunia seni cetakan Malaysia sehingga sekarang.

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk memfokuskan kepada permasalahan ketetapan tema yang ingin diketengahkan ke dalam penghasilan sesebuah karya. Tema yang ditetapkan pada projek tahun akhir pada kali ini adalah bebas. Menurut Kamus Bahasa Melayu, bebas didefinisikan sebagai tiada halangan, tiada had dan tidak terikat (untuk bergerak, bercakap, beraksi dan sebagainya). Hal ini diperjelaskan bahawa setiap penghasilan karya yang akan dihasilkan tidak akan mengikut ketetapan dan ia akan dihasilkan mengikut kreativiti sendiri. Walau bagaimanapun, ini juga menjadikan sebagai satu masalah kepada pengkarya dalam menentukan apakah tema yang perlu dipilih dan diaplikasikan ke dalam karya yang dihasilkan. Dalam konteks ini, sesetengah pengkarya akan mengambil langkah mudah dengan meniru iaitu mengambil semula dari segi komposisi, warna dan tema melalui karya yang dijadikan sebagai rujukan. Peniruan sebegini menjadikan idea yang diketengahkan tidak akan menjadi kukuh dan ia menjadi mentah atau lebih dikenali sebagai “lali” kerana sudah biasa dilihat di pameran seni yang diadakan. Akan tetapi ada sesetengah pihak berkata peniruan sebegini adalah dibenarkan kerana dalam konteks seni visual, suatu peniruan dalam seni visual adalah bertujuan untuk melatih individu tersebut menghasilkan lukisan yang lebih baik. Pernyataan ini juga telah disokong melalui Artikel Ilmiah di mana,



“Siswa ini meniru lukisan sang maestro kondang. Menyalin, menjiplak, atau memperbanyak dalam UU Hak Cipta termasuk perbuatan "direproduksi" tanpa izin pencipta. Ini termasuk tindakan pelanggaran hak cipta. Namun, yang dilakukan siswa tersebut bukanlah pelanggaran hak cipta karena undang-undang ini mengatur bahwa untuk kepentingan pendidikan atau proses belajar mengajar, menjiplak gambar orang lain tidak termasuk pelanggaran hak cipta.”

(Suasa Mijil T, 2014)

Oleh itu, penetapan tema ini akan ditentukan oleh pengkarya sama ada mengikut kesesuaian sendiri, nasihat daripada pensyarah atau artis dan membuat kajian lapangan yang bersesuaian dengan perkembangan seni pada hari ini.

Dari sudut hala tuju pula, kajian ini memfokuskan kepada bahan atau teknik seni cetakan yang sesuai untuk dijadikan sebagai cetakan konvensional atau kontemporari dalam penghasilan karya. Seperti yang kita ketahui, seni yang berlandaskan kepada konsep konvensional atau kontemporari ini adalah seni yang terdiri daripada penggunaan dari segi alatan dan media yang telah diperbaharui tetapi masih mengekalkan kaedah dalam penghasilan sesebuah karya. Seperti contoh penggunaan alatan cat berus dalam seni catan yang sudah menjadi pegangan kuat antara kanvas dan cat berus tersebut, tetapi dengan penggunaan teknologi pada masa kini penghasilan seni catan juga dapat diterapkan walaupun ia berbentuk mudah. Seiring dengan kemajuan dalam seni cetakan, penggunaan seni digital dan tradisional amat digalakkan kerana kedua-dua nya membuahkan hasil yang sama dan berkualiti. Pada masa yang sama, penggunaan teknologi dalam seni cetakan akan

melatih seorang perkarya itu mengeksplorasi keistimewaan teknologi yang boleh membawa kepada penciptaan karya yang sangat kreatif. Azimah Binti A. Samah (2016) juga memberi pandangan beliau mengenai perkara ini bahawa,

“Penghasilan seni digital bukan sahaja kegembiraan dalam proses pengeluaran, tetapi juga kaedah memudahkan pengedaran hasil. Ini memberi peluang kepada artis untuk mempamerkan karya mereka kepada dunia global.”

Dengan pernyataan ini, jelaslah bahawa pendekatan teknologi dalam seni amat digalakkan dan menjadikan pengkarya itu mencungkil bakat terhadap penggunaan teknologi dalam menghasilkan karya. Dengan ini, permasalahan yang diketengahkan dapat dijawab di mana pengkarya boleh mengaplikasikan penggunaan bahan, media atau alatan daripada kaedah tradisional dan teknologi dalam proses penghasilan karya.

Kajian ini dijalankan untuk mengidentifikasi permasalahan terhadap kegunaan konteks isu semasa sebagai mesej dalam sebuah karya seni kepada masyarakat. Seperti yang kita tahu, seni dalam Malaysia kebanyakan mengetengahkan isu atau mood yang beridentitikan semangat negara, warisan budaya, agama dan pengalaman sendiri. Jarang kita melihat penghasilan seni yang mengutamakan kepada seni yang ingin mengetengahkan konteks isu semasa. Penggunaan tema isu semasa adalah tema yang mengetengahkan sesuatu topik yang menjadi perhatian atau perbualan umum yang ada hubungkaitnya dengan kehidupan seharian di tempat berkenaan di mana berkaitan dengan keadaan sekeliling mahupun sejagat. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkarya ingin



menampilkan konteks isu semasa ke dalam penghasilan karya yang bertujuan untuk menyebarkan mesej atau informasi kepada audiens. Apabila kita menghayati pembawaan seni itu, perasaan audiens yang melihat akan timbul dan memberi kesan kepadanya malah ia menjadi perantaraan komunikasi antara audiens dan karya. Pernyataan ini juga telah disokong melalui Artikel Ilmiah bahawa,

“Disitulah kemudian menjadi sebuah media komunikasi masyarakat yang bisa mempertemukan antara personal dengan personal yang lain, antara satu orang dengan orang lain, bahkan kelompok masyarakat tertentu dengan masyarakat yang lain”

(Aminullah, 2019)



Dengan ini, kita dapati bahawa seni itu bukan sahaja sebagai media untuk dilihat tetapi seni itu juga mempunyai banyak peranan kepada masyarakat misalnya sebagai media massa dalam memberikan maklumat ataupun amaran menerusi seni. Justeru, penerapan tema isu semasa akan digunakan kajian lapangan yang dibuat dan akan divisualkan melalui karya.

1.3 Persoalan Kajian





Persoalan kajian merupakan rumusan secara keseluruhan berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Rumusan kajian ini merupakan pengisian kepada kajian yang dilakukan.

Persoalan - persoalan yang timbul adalah seperti yang berikut :

- Adakah karya Sekilas Amaran yang dihasilkan menepati tema yang ditetapkan ?
- Apakah bahan atau teknik seni cetakan yang sesuai untuk dijadikan sebagai seni cetakan berkonsepkan konvensional atau kontemporari ?
- Bagaimana konteks isu semasa dapat diterapkan di dalam sebuah karya seni ?

1.4 Objektif Kajian



Dalam kajian ini, objektif utama kajian ini adalah untuk memastikan mesej yang ingin disampaikan dapat dicapai dengan mudah dan jayanya.

- Mengenalpasti penetapan tema yang akan diketengahkan dalam karya secara tepat.
- Mengidentifikasikan penyesuaian penggunaan bahan atau teknik dalam seni cetakan konvensional atau kontemporari dalam karya yang dihasilkan.
- Menganalisis kegunaan konteks isu semasa sebagai mesej dalam sebuah karya seni kepada masyarakat.





1.5 Signifikasi Kajian

Kajian ini dihasilkan dalam karya yang bersaiz 3.4 kaki x 3.8 kaki yang diasingkan menjadi 2 panel dengan saiz 1.7 kaki x 3.7 kaki bagi setiap satu panel. Karya ini dihasilkan adalah bertujuan untuk memberikan maklumat serta peringatan kepada masyarakat berkaitan kesan buruk yang akan dihadapi oleh masyarakat sekiranya fenomena El-Nino tidak dipedulikan. Dalam pada hal ini, masyarakat boleh menilai dengan sendiri apakah yang dikatakan fenomena El-nino ini. Adakah ia bahaya? Membawa maut? Atau sekadar ingin perhatian orang ramai? Karya ini dihasilkan bagi menunjukkan bagaimana kesan fenomena ini memberi satu tamparan yang mendalam kepada masyarakat melalui ilustrasi yang digambarkan ke atas setiap pemilihan subjek matter yang mengalami kesan daripada fenomena tersebut. Karya ini juga dapat membuatkan masyarakat lebih berwaspada dan memahami apakah yang boleh menyebabkan kesan yang akan dihadapi begitu kritikal dan bertindak sendiri dalam menjaga diri apabila tubuh badan sangat terbuka di luar sana. Justeru, karya ini juga membuatkan masyarakat lebih peka terhadap persekitaran dan saling membantu untuk membendung kes kematian yang menyebabkan gejala fenomena ini berkurangan.

1.6 Metodologi Kajian






Proses ini merupakan kaedah dan teknik dalam mereka-bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian yang dijalankan. Kajian ini menggunakan kaedah pendekatan praktis studio ke atas kajian yang meliputi eksperimentasi yang menggunakan gaya kontemporari untuk mengenal penetapan tema yang dihasilkan. Penghasilan karya kontemporari ini akan menggunakan teori kreativiti yang dipelopori oleh Paul Torrance. Dalam pendekatan teori ini, ia membantu dalam menjelaskan tujuh perkara utama dalam proses penjanaan kreativiti terhadap individu. Dalam konteks lain, inovasi karya yang dihasilkan ini adalah daripada pelbagai proses yang digabungkan dan mempengaruhi satu sama lain. Dengan inovasi yang bercirikan kreativiti, karya bersiri ini dapat menambah baik kualiti seni.



1.6.1 Kerangka Teori Kajian




Rajah 1: Adaptasi Teori Paul Torrance

Tokoh yang mempelopori teori kreativiti, Paul Torrance telah mencipta dan membangunkan teori kreativiti ini dalam membantu menjelaskan tujuh perkara utama dalam proses penjanaan kreativiti seseorang individu itu iaitu penyoalan, penemuan, pemerhatian, percubaan, penerokaan, manipulasi dan aktiviti.

- I. Proses penyoalan adalah galakan yang meliputi soalan semasa menghasilkan sesuatu karya. Bagi proses penemuan, ia merujuk kepada usaha dalam memberikan galakan dan ransangan. Dalam hal ini, ia adalah digalakkan untuk membuat pelbagai eksplorasi dan eksperimentasi melalui aktiviti seni tampak iaitu mewarna, melukis, membentuk dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti seperti membuat lawatan akademik juga mampu memberikan ransangan yang berupaya memberikan motivasi dan ransangan penemuan-penemuan yang baharu.
- II. Proses pemerhatian pula merujuk kepada ransangan yang menggunakan kepelbagaian deria. Sebagai contoh, deria penglihatan digunakan bagi aktiviti lukisan. Dalam konteks pendidikan seni visual, proses pemerhatian ini tidak hanya tertumpu kepada deria pengamatan semata-mata, malah proses pemerhatian ini turut melibatkan deria yang lain seperti deria sentuhan dan lain lagi.

- III. Proses percubaan pula merujuk kepada satu usaha yang berterusan dalam mendapatkan hasil yang terbaik. Hal ini dapat dilihat menerusi individu yang kreatif akan terus membuat eksperimentasi bagi mendapatkan hasil yang dikehendaki. Sebagai contoh, penghasilan karya yang dihasilkan berkemungkinan besar tidak mencapai apa yang dikehendaki sepenuhnya, namun dengan percubaan demi percubaan yang dilakukan akan berjaya diperolehi seperti yang kita inginkan.
- IV. Proses penerokaan atau eksplorasi pula merujuk kepada galakkan dalam memanipulasikan pelbagai barangan dan alatan yang berada di sekeliling. Ia merujuk kepada keadaan seseorang individu di mana mampu bertindak melalui penggunaan bahan dan peralatan yang sedia ada. Dengan ini, kreativiti dapat dirangsang melalui aktiviti dan penghasilan karya.

1.6.2 Kerangka Teori Sekilas Amaran



Rajah 2: Kerangka Teori Sekilas Amaran

Pemilihan pendekatan teori kreativiti oleh Paul Torrance telah diaplikasikan ke dalam penghasilan karya bersiri SEKILAS AMARAN. Hal ini dikatakan demikian adalah kerana pendekatan teori ini adalah sangat bersesuaian untuk dijadikan sebagai panduan dalam menghasilkan karya di mana beliau menekankan tujuh aspek utama dalam teori kreativiti iaitu penyoalan, penemuan, pemerhatian, percubaan, penerokaan, manipulasi dan aktiviti.

Berdasarkan kepada aspek penyoalan, penemuan dan pemerhatian (tahap pertama), ia bermula dengan kajian terhadap karya yang hendak dihasilkan. Pada tahap ini, pengkarya akan menjalankan beberapa soalan yang akan ditanyakan pada diri sendiri di samping penemuan dari segi idea dan bentuk. Pemerhatian yang dijalankan adalah sangat membantu dalam memperincikan lagi maklumat dari segi pemilihan karya, isu, tajuk dan teori yang berkaitan.

Beralih kepada peringkat yang seterusnya, pengkarya membuat percubaan dengan membuat penerokaan bahan, media dan konsep yang perlu dilakukan supaya teknik yang sesuai dapat diaplikasikan dalam seni cetakan yang dibuat. Pengkarya juga telah membuat lakaran awal, lakaran perkembangan idea dan lakaran komposisi bagi mengenal pasti apakah kelemahan pada karya yang dihasilkan dari pelbagai sudut. Dalam pada itu, pengkarya juga dapat memanipulasikan pelbagai teknik yang boleh diguna pakai ke dalam seni cetakan. Tambahan pula, penghasilan sesebuah karya amat mementingkan kehalusan dan kekemasan yang bertujuan untuk menghasilkan karya yang berkualiti. Justeru itu,



aktiviti yang dilakukan semasa menghasilkan karya dapat dirangsang melalui kreativiti sebelum ia dipamerkan.

1.7 Carta Perbatuan

Carta perbatuan ini akan menerangkan berkenaan proses pelaksanaan dalam penghasilan karya mengikut tempoh dan masa yang telah ditetapkan iaitu selama 14 Minggu (M). Berikut merupakan carta perancangan yang bermula dari minggu satu sehingga minggu keempat belas :



PERKARA	M 1	M 2	M 3	M 4	M 5	M 6	M 7	M 8	M 9	M 10	M 11	M 12	M 13	M 14
Pemilihan tema dan isu kajian Bersama pensyarah penasihat														
Membuat kajian berkenaan kajian yang dipilih dan penerangan tentang tema oleh penasihat pameran														
Proses meneliti dan pemilihan teknik yang digunakan pakai di dalam penghasilan karya														





- Proses pemilihan idea dan lakaran karya oleh pensyarah penasihat - Proses pemilihan komposisi karya cetakan													
- Pengesahan teknik-teknik cetakan yang akan digunakan di dalam penghasilan karya - Proses eksperimentasi teknik-teknik cetakan yang akan digunakan													
- Penukaran idea dan konsep karya yang dihasilkan oleh pensyarah penasihat - Proses permulaan penghasilan karya - Penulisan ilmiah													
- Proses berkarya - Eksperimentasi teknik cetakan seperti teknik sutera saring dan cetakan digital untu penghasilan latar belakang karya													
Penghasilan blok sutera saring													





- Pra-Assesment oleh penasihat - Penulisan Ilmiah													
- Penilaian daripada pensyarah penasihat - Sesi fotografi untuk karya yang dimasukkan ke dalam buku katalog pameran - Penulisan Ilmiah													
- proses berkarya - Menyiapkan karya sehingga siap - Penulisan Ilmiah													
- Penilaian kedua oleh pensyarah penasihat - Penilaian karya oleh penasihat pameran - Penghantaran karya													
- Sesi penilaian akhir dan persembahan karya Bersama pensyarah penasihat - Sesi pemarkahan terhadap karya - Pemilihan karya yang layak ke pameran													



- Proses membungkus dan membalut karya untuk ke pameran														
---	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Rajah 3: Carta Perbatuan

1.8 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab 1 ini telah menerangkan mengenai perancangan awal berkaitan dengan penghasilan produk yang melibatkan tempoh masa yang telah ditetapkan oleh penyelar. Karya bersiri ini adalah berpandukan tentang tema ‘Bebas’ tetapi dispeksifikasikan kepada tema ‘Isu Semasa’ selaras dengan idea yang dipilih iaitu SEKILAS AMARAN yang berkonsepkan kepada kontemporari. Oleh itu, bab 1 ini menjelaskan secara menyeluruh mengenai karya yang dihasilkan dengan proses penghasilan dan eksperimentasi serta penerangan terhadap permasalahan dan isu yang telah dipilih.